

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MELAYU

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 4 MAC 2026, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 8

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1551-L16373
Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kos yang telah atau akan dibayar oleh Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang (LPQB) untuk mengaudit akaun lembaga bagi tempoh 18 tahun yang lepas.

2. PN-1551-L15869
Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimanakah Malaysia mengimbangi tekanan geopolitik antara kuasa besar tanpa menjejaskan akses pasaran eksport.

3. PN-1551-L15630
Senator Tuan Isaiah a/l D.Jacob minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
 - (a) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan semua rumah yang diperuntukkan kepada golongan OKU mematuhi piawaian aksesibiliti OKU; dan

 - (b) apakah kekangan sedia ada dalam penyediaan kediaman yang sesuai untuk golongan OKU serta tindakan Kerajaan bagi menanganinya.

4. PN-1551-L16158
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keperluan memperkenalkan satu lagi sistem pelepasan imigresen, iaitu Sistem Imigresen Bersepadu Nasional (MyNISe) memandangkan negara kita sudah mempunyai 3 sistem pelepasan imigresen, adakah sistem ini satu keperluan.

5. PN-1551-L15662
Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah diplomatik di peringkat antarabangsa yang diambil oleh Malaysia bagi menyekat pembunuhan, keganasan dan pelbagai sekatan Israel ke atas penduduk Palestin di Gaza, walaupun gencatan senjata telah dipersetujui pada bulan Oktober tahun lalu.

6. PN-1551-L15563
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status terkini setakat Februari 2026 bagi kerja menaik taraf Klinik Kesihatan Roban dan Nyabor di kawasan Parlimen Saratok P. 205.

7. PN-1551-L16095
Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah penilaian Kementerian terhadap keberkesanan peraturan dan mekanisme sedia ada dalam menangani sisa panel solar serta bateri kenderaan elektrik yang bakal meningkat dengan signifikan memandangkan ciri kimia dan profil risiko berbeza daripada sisa elektronik konvensional dalam usaha melindungi kelestarian alam sekitar dan kesihatan awam.

8. PN-1551-L16020
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan bagaimanakah keberkesanan subsidi dan insentif pertanian diukur supaya bantuan sampai kepada pengeluar sebenar bukan kepada pihak tengah.

9. PN-1551-L15551
Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tindakan Kerajaan bagi mengatasi masalah tempoh menunggu yang lama bagi pesakit jantung melaksanakan Angiogram dan Bypass. Apakah perancangan jangka pendek dan sederhana Kerajaan untuk menyediakan lebih banyak infrastruktur, fasiliti hospital, tenaga kerja, pakar, peralatan dan sebagainya bagi mengatasi masalah ini.

10. PN-1551-L15771
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan implikasi Dasar Baharu Penggajian Ekspatriat, yang berkuat kuasa mulai Jun 2026, terhadap keupayaan Malaysia menarik bakat asing, sambil memastikan pembangunan dan keutamaan bakat tempatan.

11. PN-1551-L15928

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap pelaksanaan Akta Konvensyen Kesatuan Antarabangsa bagi Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan (UPOV) versi terkini serta langkah-langkah yang diambil bagi melindungi hak petani tempatan daripada monopoli benih dan kenaikan harga.

12. PN-1551-L16064

Senator Dato' Wu Him Ven minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :-

- (a) pendirian Kerajaan sama ada akan melanjutkan lesen operasi Lynas Malaysia yang bakal tamat pada 2 Mac 2026; dan
- (b) apakah status terkini kemajuan teknologi dan Tahap Kesediaan Teknologi (TRL) bagi pengekstrakan torium (*Thorium extraction*) untuk skala industri, pembinaan kemudahan pelupusan kekal (PDF) Lynas dan status penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi mengkomersialkan produk CondiSoil.

13. PN-1551-L15690

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah tindakan susulan yang telah diambil bagi menubuhkan Pusat Pengindeksan Penerbitan Ilmiah Serantau, khususnya yang mengutamakan Bahasa Melayu bagi memastikan penarafan institusi pengajian tinggi negara tidak bergantung sepenuhnya kepada pusat pengindeksan penerbitan ilmiah di negara-negara Barat.

14. PN-1551-L15615

Senator Datuk Bobbey bin Suan minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status projek naik taraf Hospital Queen Elizabeth II, Kota Kinabalu, Sabah.

15. PN-1551-L15917

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah antara kekangan dan cabaran yang dihadapi oleh Kementerian dalam menangani masalah kadar kemiskinan dalam kalangan masyarakat Orang Asli walaupun pelbagai program pembangunan telah dilaksanakan sejak sekian lama.

16. PN-1551-L16102
Senator Dr. Jufitri bin Joha minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah perancangan Kerajaan bagi memastikan elemen pelancongan diintegrasikan dalam setiap pembinaan infrastruktur strategik ikonik negara.
17. PN-1551-L15540
Senator Tuan Niran Tan Kran minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah pelajar daripada masyarakat Bumiputera Siam yang memohon kemasukan ke Universiti Awam melalui sistem UPU bagi tahun 2023 hingga 2025 dan berapakah bilangan pelajar yang berjaya ditawarkan tempat pengajian.
18. PN-1551-L15881
Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan tindakan tegas yang diambil terhadap lambakan kemasukan *e-waste* secara haram dalam negara memandangkan pelaksanaan moratorium selama enam bulan dilihat tidak berkesan.
19. PN-1551-L15799
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan jenayah siber dan penipuan dalam talian serta bagaimanakah Kementerian memastikan penguatkuasaan undang-undang dan pemantauan digital berjalan secara efektif dan apakah usaha strategik bagi mendidik masyarakat daripada menjadi mangsa jenayah siber.
20. PN-1551-L16185
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan hala tuju serta pelan strategik jangka panjang pembangunan pelancongan di kawasan Bakun termasuk potensi dan bentuk kerjasama strategik antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sarawak dan sektor swasta dalam usaha membangunkan Bakun sebagai destinasi pelancongan unik dan berdaya saing di kawasan pedalaman Sarawak.
21. PN-1551-L15736
Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan adakah sudah wujud penyelesaian kepada isu 800 orang ahli geospatial yang berisiko kehilangan pekerjaan akibat pelaksanaan pindaan Akta 458 pada tahun 2024.

22. PN-1551-L16177

Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :-

- (a) apakah tindakan Kementerian untuk melindungi pekebun kecil sawit daripada penipuan baja tiruan; dan
- (b) adakah Kementerian menetapkan piawaian dan standard kualiti bagi baja yang digunakan dalam penanaman kelapa sawit.

23. PN-1551-L16225

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah Institusi Pendidikan Islam (IPI) di seluruh negara yang berdaftar dengan pihak berwajib mengikut negeri dan apakah mekanisma agihan peruntukan sebanyak RM200 juta yang akan disalurkan pada tahun 2026.

24. PN-1551-L16287

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah pelan strategik Kerajaan untuk mempromosi negeri Perlis sebagai destinasi pelancongan utama bersempena Tahun Melawat Malaysia 2026 memandangkan negeri ini mempunyai potensi ekopelancongan yang unggul sekaligus dapat menarik minat para pencinta alam warga tempatan dan antarabangsa.

25. PN-1551-L15643

Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan bagi meningkatkan keberkesanan perancangan, kesiapsiagaan dan penyelarasan NADMA di peringkat negeri dan daerah terutama dalam menangani bencana banjir yang masih menimbulkan kekeliruan pelaksanaan di lapangan.

26. PN-1551-L15680

Senator Tuan Isaiah a/l D.Jacob minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) sama ada Kementerian telah mengeluarkan pekeliling atau arahan rasmi kepada semua institusi pengajian di bawah seliaan bagi memastikan pelaksanaan dasar tersebut berjalan lancar selaras dengan pengumuman Kerajaan pada 20 Januari 2026 mengenai pelaksanaan pendidikan percuma kepada Orang Kurang Upaya (OKU) di Universiti Awam (UA), Politeknik dan Kolej Komuniti; dan

- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan golongan OKU tidak terjejas atau terpinggir akibat sebarang isu pelaksanaan dasar tersebut di peringkat institusi.

27. PN-1551-L15806

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan secara terperinci jumlah program pembangunan luar bandar di Sarawak termasuk bilangan kampung dan rumah panjang pedalaman yang telah menikmati kemudahan asas seperti bekalan air paip, jalan luar bandar dan bekalan elektrik yang telah diberi peruntukan mengikut daerah yang sedang dilaksanakan.

28. PN-1551-L15860

Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk menyediakan kuota khas bagi pengambilan attendan hospital dalam kalangan Orang Asli khususnya bagi penempatan di Klinik Desa dan kawasan pedalaman yang memerlukan pembantu kesihatan bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada komuniti setempat.

29. PN-1551-L16067

Senator Dato' Wu Him Ven minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :-

- (a) adakah komitmen *Licensing Certainty* yang termaktub dalam Kenyataan Bersama Perjanjian-ART (Artikel 5.2) dan MOU Mineral Kritikal (AREAS-OF-COOPERATION, Section3) menjejaskan keputusan Kerajaan untuk menguatkuasakan syarat teknikal ke atas Lynas Malaysia atau industri nadir bumi; dan
- (b) adakah inisiatif *REC-Central-Buying-House* berisiko dicabar di bawah prinsip *Non-Discriminatory-Treatment* dalam ART dan status terkini rundingan antara Khazanah Nasional Berhad dengan syarikat China dalam pembangunan industri REE serta sejauh mana kemajuan dalam aspek pemindahan teknologi terutamanya bagi teknologi pengasingan *heavy rare-earth element* (HREE).

30. PN-1551-L16082

Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan penilaian Kementerian terhadap Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) yang menunjukkan kadar masalah bantut dalam kalangan kanak-kanak bawah lima tahun meningkat daripada sekitar 17 peratus pada 2016 kepada lebih 21 peratus pada 2022 sedangkan beberapa negara berpendapatan lebih rendah mencatat penurunan konsisten dalam tempoh sedekad lalu.

31. PN-1551-L16011

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-

- (a) mengapakah sesetengah penerima bantuan menerima bantuan secara berulang kali, sedangkan pada masa yang sama masih ramai golongan miskin desa tercicir daripada sistem bantuan; dan
- (b) bagaimanakah cara untuk mengatasi masalah keciciran ini dan sila nyatakan punca ketirisan, mekanisme penapisan dan langkah bagi memastikan bantuan sampai kepada golongan yang memerlukan.

32. PN-1551-L15843

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk memastikan penyelarasan antara dasar yang mengiktiraf MA63 dengan tindakan operasi syarikat berkaitan Kerajaan Persekutuan supaya tiada percanggahan yang menjejaskan hubungan Persekutuan-Negeri.

33. PN-1551-L16264

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) adakah paramedik dan pemandu ambulans yang terpaksa bekerja *on-call* di Klinik Kesihatan hanya dibayar jika terdapat kes untuk dirawat; dan
- (b) jika ya, mengapa berlakunya perbezaan dalam kaedah pembayaran antara paramedik dan pegawai perubatan.

34. PN-1551-L15581

Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) kriteria lengkap program perumahan mampu milik termasuk sasaran harga, syarat kelayakan penerima, lokasi projek, mekanisme mempercepat proses pemilikan dan langkah bagi menghalang spekulasi pasaran hartanah; dan
- (b) adakah Kerajaan berhasrat untuk menubuhkan satu tabung amanah nasional untuk membiayai perumahan mampu milik.

35. PN-1551-L16308

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh mana jaminan Kerajaan bahawa prinsip tidak mendiskriminasi dalam Klausa 2.3(b) Perjanjian Perdagangan Timbal Balas (ART) Malaysia-Amerika Syarikat tidak akan dijadikan asas oleh pihak Amerika Syarikat untuk mencabar syarat ketat pensijilan Halal Malaysia.

36. PN-1551-L15988

Senator Dato' Leong Ngah Ngah minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah lanjut yang akan diambil oleh Kerajaan bagi menangani isu keselamatan secara lebih berkesan memandangkan pekebun kecil di Daerah Bera khususnya di Paya Lang masih berdepan dengan masalah kecurian buah kelapa sawit walaupun pelbagai tindakan telah dilaksanakan oleh pihak IPD Bera sehingga mangsa berasa putus asa untuk membuat laporan polis.

37. PN-1551-L15813

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) apakah perancangan jangka sederhana dan panjang untuk meningkatkan bilangan Klinik Desa, kakitangan perubatan serta perkhidmatan kesihatan bergerak di pedalaman Sarawak; dan
- (b) apakah fasiliti serta perkhidmatan yang telah dilaksanakan setakat ini.

38. PN-1551-L16098

Senator Dato' Wu Him Ven minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) sejauh manakah keberkesanan peranan dan Garis Panduan (TOR) sedia ada bagi pegawai-pegawai JAKIM di pelbagai Kementerian dalam menterjemah prinsip Islam yang syumul (holistik) ke dalam penggubalan dasar awam, agar peranan mereka tidak disempitkan kepada aspek ritualistik semata-mata; dan
- (b) rancangan Kerajaan Madani untuk memperkasa pegawai-pegawai tersebut sebagai penasihat strategik berlandaskan Maqasid Shariah bagi memastikan urusan pentadbiran negara sentiasa terpelihara daripada unsur yang bertentangan dengan prinsip keadilan (Al-'Adalah) dan kemaslahatan ummah.

39. PN-1551-L15554

Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah konkrit yang diambil Kerajaan untuk menangani isu ketidakseimbangan penawaran produk perumahan berbanding lokasi, tahap pendapatan dan demografi rakyat.

40. PN-1551-L15755

Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan adakah Kementerian mempunyai indikator atau laporan tahunan bagi menilai tahap perpaduan rakyat dan apakah langkah susulan yang akan diambil sekiranya terdapat penurunan atau ketegangan sosial.

41. PN-1551-L16231

Senator Puan Saraswathy a/p Kandasami minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapakah jumlah kos import baja dan subsidi yang ditanggung oleh negara setiap tahun dan apakah sasaran pengurangan kos import baja yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dalam tempoh jangka pendek, sederhana dan panjang. Adakah Kementerian telah menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan garis masa yang jelas bagi mengurangkan kebergantungan kepada baja import serta merangka pelan pengeluaran baja tempatan, termasuk melalui pelaburan Kerajaan, kerjasama awam-swasta atau kolaborasi strategik dengan negara luar.

42. PN-1551-L16241

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan dalam menambahbaikkan pelaksanaan Gantian Cuti Rehat (GCR) memandangkan banyak rungutan dan aduan berkenaan GCR pada masa ini.

43. PN-1551-L16411

Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan tidak ada pihak memainkan isu 3R yang memecahbelahkan rakyat; dan
- (b) berapa kes yang telah didakwa dan dihukum bagi memainkan isu 3R dalam tempoh masa 10 tahun kebelakangan ini.

44. PN-1551-L16144

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah projek perumahan sakit yang telah berjaya dipulihkan atau diselamatkan sepanjang tahun 2025 di negeri Perak serta kaedah intervensi yang digunakan bagi tujuan pemulihan tersebut.

45. PN-1551-L16415

Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-

- (a) bagaimanakah Kementerian memastikan Tahun Melawat Malaysia 2026 berjaya, dengan adanya pemantauan berkala bulanan; dan
- (b) apakah langkah-langkah Kerajaan dalam memastikan program yang dirancang dapat menjana pendapatan kepada rakyat bukannya warga asing semata-mata.

46. PN-1551-L16265

Senator Dr. Lingeswaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) berapakah elaun kritikal yang dibayar kepada semua skim di Kementerian sebelum SSPA dan selepas SSPA; dan
- (b) memandangkan ia telah dipegunkan, apakah usaha Kementerian untuk menambahbaik elaun lain bagi *frontliner* seperti jururawat dan doktor.

47. PN-1551-L16160

Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan prestasi terkini Pasukan Petugas Khas (PPK) dalam menangani isu rakyat tanpa dokumen pengenalan dari sudut berapakah jumlah permohonan yang telah diterima dan diproses sejak ia ditubuhkan serta berapakah jumlah permohonan yang masih belum diselesaikan.

48. PN-1551-L16050

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) serius untuk mengambil tindakan terhadap pemberi rasuah yang dilihat seolah-olah bebas daripada sebarang pendakwaan sedangkan semua sedia maklum tanpa ada pemberi tidak akan ada penerima rasuah. Kedua-duanya merupakan penjenayah dan saling bersubahat di dalam melakukan jenayah rasuah dan jika disabit boleh dihukum dengan hukuman yang sama.

49. PN-1551-L15940

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan perancangan Kerajaan Persekutuan untuk menyokong sasaran negeri Kedah menarik lebih daripada tujuh juta pelancong sempena Tahun Melawat Malaysia 2026 termasuk strategi promosi dan peruntukan yang disediakan.

50. PN-1551-L16356

Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah pendakwaan ke atas GISBH gagal disabitkan kesalahan sedangkan pihak media dan Kerajaan telah membawa naratif umum betapa bahayanya kumpulan ini, apakah kelemahan berada pada pihak pendakwaan. jika ya, kenapa.

51. PN-1551-L15834

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan tarikan terhadap Program Desa Kirana di bawah Kementerian bagi memacu pembangunan pelancongan desa di Sarawak.

52. PN-1551-L16134

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sejauh manakah tahap penggunaan teknologi dron pertanian dalam sektor agromakanan negara ketika ini khususnya bagi tujuan penyemburan baja dan racun perosak, pemantauan kesihatan tanaman serta pemetaan ladang dan adakah terdapat sebarang insentif atau geran yang diberikan oleh Kementerian kepada petani-petani kecil.

53. PN-1551-L15639

Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah kes Influenza yang dilaporkan dalam kalangan pelajar sekolah sehingga tahun ini; dan
- (b) sejauh mana sekolah mematuhi arahan garis panduan pengurusan pelajar yang dijangkiti Influenza di sekolah termasuk tempoh pengasingan dan prosedur pencegahan.

54. PN-1551-L15721

Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Rang Undang-Undang Ombudsman akan dibentangkan di Parlimen dan dikuatkuasakan memandangkan isu integriti dan rasuah semakin meningkat kebelakangan ini dalam kalangan penjawat awam khususnya pegawai berpangkat tinggi dan ketua jabatan.

55. PN-1551-L15591

Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status terkini penyelesaian permohonan kewarganegaraan yang tertunggak, khususnya melibatkan kanak-kanak tanpa kewarganegaraan dan golongan terpinggir.

56. PN-1551-L16293

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan Kerajaan melalui kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi menarik balik produk atau premis yang masih menggunakan label '*Muslim Choice*' kerana menyalahi Akta Perihal Dagangan 2011 serta mengelirukan status halal umat Islam.

57. PN-1551-L16247

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah tahanan SOSMA pada masa ini serta apakah kesalahan-kesalahan utama tahanan .

58. PN-1551-L15570

Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tindakan khusus yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengisi jawatan kosong, khususnya pakar dan doktor perubatan di Sarawak susulan perkara ini dibangkitkan dalam persidangan Dewan pada Disember 2025.

59. PN-1551-L15958

Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan undang-undang sedia ada dalam mengawal dan membanteras penipuan digital serta *scam* kewangan.

60. PN-1551-L15976

Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) berapakah peratus sebenar peruntukan pembangunan RMKe-12 yang telah dibelanjakan di Sabah setakat ini dan projek apakah yang mengalami kelewatan kritikal; dan
- (b) apakah mekanisme pemantauan prestasi Kementerian bagi projek di bawah RMKe-12 di Sabah, termasuk audit berkala dan laporan pemantauan untuk memastikan peruntukan digunakan secara efisien, tepat pada masa, dan memberi impak maksimum kepada rakyat.

61. PN-1551-L16363

Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan merancang untuk mengkaji semula waktu kerja jururawat, khususnya bagi mengurangkan jumlah jam kerja mingguan daripada 42 jam kepada 38 jam, serta apakah langkah untuk menambah baik persekitaran kerja dan insentif kepada jururawat.

62. PN-1551-L16286

Senator Puan Saraswathy a/p Kandasami minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah dasar Kerajaan mengenai pengambilan pekerja asing dan apakah langkah-langkah yang telah atau akan diambil untuk mempermudah proses permohonan, yang kini dianggap rumit dan kerap memerlukan penggunaan orang tengah yang berpotensi memberi ruang untuk penyalahgunaan kuasa dan rasuah.

63. PN-1551-L16396
Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan hala tuju program Rent-to-Own (RTO) yang dilaksanakan di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) bagi memberikan peluang pemilikan kepada penyewa serta langkah pelaksanaan penguatkuasaan terhadap tunggakan sewa untuk menampung kos penyelenggaraan bangunan.
64. PN-1551-L16342
Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah penilaian Kerajaan terhadap keberkesanan institusi masjid dan surau sebagai pusat pembangunan sosial, ekonomi dan perpaduan masyarakat.
65. PN-1551-L16431
Senator Dato' Sivaraja I Chandran minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapakah tempoh menunggu rawatan di hospital Kerajaan semakin lama walaupun peruntukan kesihatan meningkat setiap tahun, serta apakah pelan konkrit untuk memastikan rakyat mendapat rawatan segera tanpa perlu bergantung kepada hospital swasta yang mempunyai kos yang mahal.
66. PN-1551-L15795
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan perincian pelaksanaan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Alternatif mengikut negeri termasuk jumlah projek yang gagal, tidak berfungsi atau tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk, punca kegagalan serta langkah pemantauan dan penyelenggaraan yang diambil bagi memastikan keberkesanan projek bekalan air luar bandar.
67. PN-1551-L15978
Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan penjelasan dan fakta sebenar mengenai dakwaan 5207 hektar tanah yang dilaporkan diberikan kepada Indonesia termasuk butiran teknikal perjanjian persempadanan, asas rundingan, dan bagaimana Kerajaan memastikan dakwaan media tidak mengelirukan rakyat.
68. PN-1551-L15910
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian mengintegrasikan pendekatan kesihatan awam moden dengan sensitiviti budaya dan kepercayaan masyarakat Orang Asli.

69. PN-1551-L15857

Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah perancangan JAKIM dalam kerja-kerja baik pulih dan penyelenggaraan surau di kampung-kampung Orang Asli yang berada di bawah seliaan atau yang dibina oleh JAKIM bagi memastikan kemudahan ibadah yang selesa dan berfungsi kepada komuniti setempat.

70. PN-1551-L15679

Senator Tuan Isaiah a/l D.Jacob minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada terdapat peruntukan atau dana khusus daripada Kementerian bagi menaik taraf kemudahan mesra OKU di rumah-rumah ibadat dan apakah inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan bagi memperbaiki kemudahan aksesibiliti OKU di masjid, surau, gereja, kuil dan tokong.

71. PN-1551-L16380

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap pelaksanaan kawalan sewa serta dapatan kajian impaknya ke atas penyewa, pemilik rumah dan pasaran hartanah.

72. PN-1551-L15606

Senator Datuk Bobbey bin Suan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status projek Persekutuan di Sabah yang dipantau oleh ICU JPM.

73. PN-1551-L15874

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha Kerajaan bagi mengekang kes penculikan kanak-kanak yang sentiasa membimbangkan ibu bapa.

74. PN-1551-L16227

Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai data yang membezakan antara rumah tidak terjual dengan rumah yang tidak mampu dimiliki oleh rakyat memandangkan banyak pembangunan perumahan di bandar-bandar utama dilihat tidak selari dengan kemampuan kewangan rakyat.

75. PN-1551-L15891

Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi menambah bilangan kerusi Parlimen dan DUN susulan syor penganalisis untuk menambah 20 kerusi Parlimen bagi menampung pertumbuhan penduduk dan pengundi negara.

76. PN-1551-L16364

Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan merancang untuk menambah trak bomba *skylift* di Balai Bomba Sarikei bagi meningkatkan keupayaan operasi menyelamatkan dan memadam kebakaran.

77. PN-1551-L16138

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah mekanisme kawalan, pemantauan dan penguatkuasaan yang dilaksanakan bagi memastikan pengurusan dana awam, sumbangan dan infaq oleh masjid, surau serta institusi berkaitan diurus secara telus dan berakauntabiliti khususnya sepanjang bulan Ramadan apabila jumlah sumbangan orang awam meningkat supaya tidak berlaku penyalahgunaan oleh mana-mana pihak atau sindiket.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**1. Senator Tuan Niran Tan Kran akan mencadangkan :-**

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Kelima, Parlimen Yang Kelima Belas.”

- Menyambung semula Perbahasan atas masalah [3 Mac 2026]

- | | | | |
|----|-----------------|--|-------------------------------|
| 2. | (D.R.44/2025) | Rang Undang-undang Perjanjian Penyelesaian Antarabangsa Yang Terhasil Daripada Pengantaraan 2025 | Bacaan Kali Yang Kedua |
|----|-----------------|--|-------------------------------|

[Jabatan Perdana Menteri]

- | | | | |
|----|----------------|--|-------------------------------|
| 3. | (D.R.1/2026) | Rang Undang-undang Rapid Transit System Link Johor Baru-Singapura 2026 | Bacaan Kali Yang Kedua |
|----|----------------|--|-------------------------------|

[Menteri Dalam Negeri]

4. (D.R.2/2026) Rang Undang-undang Pemberian **Bacaan Kali**
Mengikut Bilangan Orang 2026 **Yang Kedua**

[Menteri Kewangan]

5. (D.R.3/2026) Rang Undang-undang Kualiti Alam **Bacaan Kali**
Sekeliling (Pindaan) 2026 **Yang Kedua**

**[Menteri Sumber Asli dan Kelestarian
Alam]**

6. (D.R.6/2026) Rang Undang-undang Perbekalan **Bacaan Kali**
Tambahan (2025) 2026 **Yang Kedua**

[Menteri Kewangan]

7. (D.R.33/2025) Rang Undang-undang Sistem Insurans **Bacaan Kali**
Pekerjaan (Pindaan) 2025 **Yang Kedua**

[Menteri Sumber Manusia]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN</u> <u>2026</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
D.N.2/2026	Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Semakan Undang-undang, Majlis Mesyuarat Dewan Negara	4 Mac 2026